Rayuan ialah masalah domisil, keputusan Hakim perbicaraan tidak bercanggah dengan pandangan ini, sungguh-pun dipersoalkan oleh Mr. Jeff. Hakim itu berpendapat (dalam muka 223) "pada pandangan saya ada beberapa sebab untuk memutuskan bahawa sahnya wasiat seorang Islam yang berdomisil di negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah dengan mengikut Undang-Undang Islam dan apabila wasiat di dalam kes ini dipertimbangkan mengikut kehendak-kehendak undang-undang itu ia mestilah diputuskan sebagai tidak berjalan kuatkuasa dalam masalah harta benda yang diwasiatkan kepada anak angkat kepada pembuat wasiat melebihi 1/3 daripada harta yang dibolehkannya memberi secara wasiat kepada seseorang asing (bukan waris) dan juga tidak berjalan kuatkuasa kerana ia menghalang dua saudara lelaki dan satu saudara perempuan kepada pembuat wasiat daripada mendapat bahagian mereka yang sah sebagai waris-waris." Dalam Undang-Undang Islam seorang anak angkat tidak dikira sebagai seorang waris, jadi ia dikira sebagai seorang asing (bukan waris). Dalam kes *Muhammad Allahdad Khan* lwn. *Muhammad Ismail Khan*, 10 All 289, Mahmood H. berpendapat "Tidak terdapat dalam undang-undang Islam persamaan dengan sistem Roman dan Hindu tentang anak angkat, yang menerima satu taraf yang tidak ada hubungan kepada kerabat atau keturunan yang sebenar." Hasil yang boleh diambil daripada kes-kes ini adalah jelas iaitu satu-satu wasiat yang cuba mengutamakan seorang waris daripada waris lain dengan pemberian satu bahagian yang lebih besar daripada bahagian yang ia berhak mendapatnya mengikut undang-undang Islam, adalah tidak sah berhubung dengan pemberian itu. Jadi, wasiat Bujai yang mengutamakan anaknya dengan mengenepi kan hak isterinya adalah tidak sah.

Perintah berikutan.

SAK'AMAH BINTI SARIDIN @ SAK'AMAH BINTI HAJI ABU BAKAR
lwn.
TASMIN BIN ABDUL SAMAD*

[Mahkamah Tinggi (Cussen H.) 30 Nov. 1937]
[Selangor – Rayuan Sivil No. 23/1937]
[1938] M.L.J. 38

Undang undang Islam – Suami dan isteri – Tanah yang didaftarkan dengan nama isteri sebagai amanah untuk suami – Persetujuan untuk memindahkannya kepada suami jika berlaku perceraian atas permintaannya – Sahnya – Kecuaian – Had masa – Bidangkuasa.

Yang menuntut telah buat tuntutan pindah tanahnya yang dimiliki oleh yang kenatuntut sebagai amanah untuknya atau bayaran $500.00 sebagai harga tanah itu. Telah dipersetujui bersama antara kedua pihak selaku suami dan isteri jika yang menuntut (suami) menceraikan yang kenatuntut, "harta itu dibahagikan mengikut hukum Syara" akan tetapi jika yang kenatuntut sendiri menuntut perceraian, tanah tersebut hendaklah dipindahkan kepada yang menuntut. Yang Kenatuntut atas permintaannya sendiri telah diceraikan dalam bulan Ogos 1931 dan satu dokumen telah pun dibuat dan ditandatangani oleh yang kenatuntut yang berbunyi seperti berikut:

"Saya, yang menurunkan tandatangan di bawah, Sa'amah binti Haji Abu Bakar, meminta suami saya Tasmin bin Abdul Samad menceraikan saya. Jika dan apabila ia menceraikan saya, saya akan memulang balik tanah sebanyak 5 ekar grant 4727 kepada suami saya Tasmin bin Abdul Samad. Saya tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan bahkan saya berjanji akan memindahkan tanah tersebut kepadanya."

t.t.
Sa'amah

"Saya, Tasmin bin Abdul Samad tersebut dengan ini menyetujui permintaan isteri saya Sa'amah binti Haji Abu Bakar."

t.t.
Tasmin

Majistret telah membuat keputusan bagi pihak yang menuntut mendapat $500.00 atau dapat kembali tanah tersebut. Yang kenatuntut merayu. Berikut adalah sebahagian daripada asas rayuan:

a) Kecuaian-kecuaian
b) tidak ada balasan
c) had masa; dan
d) bidangkuasa.

Diputuskan: (1) doktrin kecuaian di dalam ekuiti tidak terpakai kerana yang menuntut memiliki sepenuh dan menggunakan tanah tersebut;

(2) persetujuan melepaskan harta benda jika berlaku perceraian adalah sejajar dengan prinsip Undang-undang Islam dan adat orang-orang Melayu dan dengan itu ianya suatu persetujuan yang sah;

(3) oleh kerana tanah dijadikan amanah dan bukan diberi, sebagai pemberian seksyen 9, Enakmen Had Masa tidak terpakai dan tidak ada sekatan kepada tuntutan ini;

(4) kadar yang dipertikaikan untuk menentukan bidangkuasa ialah harga tanah pada masa mengemukakan tuntutan dan Majistret telah melebihi bidangkuasanya, kerana harga yang sebenar ialah $875.00.

RAYUAN SIVIL MAJISTRET

A.K. Sen bagi pihak yang menuntut (yang menentang rayuan).

---

*Dialihbahasa dari [1938] M.L.J. 38 oleh Abdullah bin Abu Bakar B.A. (Al-Azhar), LL.M. (Sheffield), Pensyarah di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.

P.C. Au Yong bagi pihak yang kenatuntut (yang merayu).

Cussen H.: Ini adalah satu kes di mana yang menuntut membuat tuntutan bahawa dalam tahun 1925 ia ada membeli sebidang tanah yang didaftarkan dengan nama isterinya, yang kenatuntut, sebagai amanah untuk dirinya dan di bawah perjanjian yang jelas bahawa ia (isteri) hendaklah memulangi balik tanah tersebut atau membayar harga kepadanya jika yang kenatuntut diceraikan oleh yang menuntut atas permintaan yang kenatuntut. Dalam keterangannya, syarat-syarat itu disebut lebih jelas iaitu mereka berdua bersetuju "bahawa jika saya menceraikannya, harta itu akan dibahagikan mengikut 'Hakum Syara' dan jika yang kenatuntut sendiri memohon perceraian tanah itu hendaklah dikembalikan balik kepada saya".

Yang kenatuntut atas permintaannya telah diceraikan oleh yang menuntut pada 11.8.31 dan satu dokumen exhibit B telah dirangka dan ditandatangani oleh yang kenatuntut yang berbunyi seperti berikut:

"Saya yang bertandatangan di bawah, Sa'amah binti Haji Abu Bakar, meminta suami saya, Tasmin bin Abdul Samad menceraikan saya. Jika dan apabila ia menceraikan saya, saya akan memulangkan tanah 5 ekar grant 47272 kepada suami saya Tasmin bin Abdul Samad. Saya tidak akan melakukan sesuatu yang bercanggah bahkan saya berjanji akan memindahkan tanah tersebut."

t.t.
R.T. Sa'amah

"Saya Tasmin bin Abdul Samad tersebut bersetuju dengan permintaan isteri saya Sa'amah binti Haji Abu Bakar."

t.t.
Tasmin

Dokumen ini pada hemat saya tidak menimbulkan hak atau tanggungan baru antara kedua-dua pihak, selain daripada ianya dibuat dalam melaksanakan persetujuan yang dibuat dalam tahun 1925 apabila tanah itu didaftarkan dengan nama yang kenatuntut.

Dalam kes ini yang menuntut memohon mendapat satu arahan supaya yang kenatuntut memindahkan tanah tersebut kepadanya ataupun membayar $500.00 "sebagai nilainya".

Atas fakta-fakta tersebut, Majistret telah bersetuju dengan hujjah-hujjah yang menuntut dan menolak hujjah-hujjah yang kenatuntut yang menafikan keseluruhannya dakwaan yang menuntut.

Majistret telah memberi keputusan kepada yang menuntut mengenai wang sebanyak $500.00 ataupun dikembalikan tanah yang dipertikaikan. Keputusan ini dirayu oleh yang kenatuntut.

Beberapa asas rayuan telah dimajukan, yang antaranya merupakan fakta dan antaranya merupakan undang-undang.

Satu-satunya asas rayuan atas unsur fakta ialah "persetujuan" Exhibit B adalah didapati secara tipu helah dan di bawah pengaruh yang tidak wajar dan paksaan. Perkara ini telah ditimbang oleh Majistret yang arif dan dia berpendapat bertentangan dengan dakwaan dan membuat keputusan dokumen itu telah ditandatangani oleh yang kenatuntut secara sukarela tanpa ada pengaruh yang tidak wajar. Tidak ada sebab kenapa saya mesti mengganggu keputusan itu dan saya bersetuju dengannya.

Asas lain untuk rayuan ialah:

a) Kecuaian-kecuaian;
b) Tidak ada satu balasan atau balasannya yang tidak bermoral;
c) Had Masa;
d) Bidangkuasa.

Tentang bahagian (a) saya berpendapat bahawa doktrin ekuiti mengenai kecuaian-kecuaian (laches) tidak terpakai kepada kes yang seperti ini. Lagi pun pihak yang menuntut telah menguasai tanah itu sepenuhnya dan dalam kes yang seperti itu doktrin "kecuaian-kecuaian" tidak dapat diterima.

Tentang bahagian (b) – balasan – saya juga berpendapat ianya gagal; persetujuan melepaskan hartabenda bila berlaku perceraian adalah suatu tindakan yang sihat dan selari dengan prinsip-prinsip dan amalan undang-undang Islam serta adat di kalangan orang-orang Melayu dan perceraian ini sendiri adalah satu bentuk yang diakui, iaitu "perceraian kholo'".

(c) persoalan had masa adalah lebih sukar. Di hadapan Majistret yang arif – apabila kedua peguam yang sekarang mewakili di dalam rayuan ini, juga mewakili di dalam perbicaraan – peguam pihak kenatuntut berhujjah bahawa kes itu dikuasai oleh sama ada artikel 47 atau artikel 92, Enakmen Had Masa (Cap. 18) – artikel 47 tentang wang tuntutan pampasan dan artikel 92 tentang tuntutan bagi pelaksanaan khusus.

Peguam yang menuntut berpegang kepada

artikel 95 dan 103. Majistret memutuskan artikel 103 terpakai.

Dalam rayuan, peguam yang merayu berpegang lagi kepada artikel-artikel 47 dan 92, akan tetapi peguam yang menentang rayuan mengakui bahawa oleh kerana tuntutan itu dibuat untuk pelaksanaan khusus ianya tertakluk kepada artikel 95.

Akan tetapi apa yang ternampak kepada saya bahawa satu aspek penting bagi kes yang menuntut telah disia-siakan – oleh peguam dan oleh Majistret yang arif – dan ini ialah bahawa yang menuntut secara jelas mendakwa bahawa yang kenatuntut memiliki tanah itu sebagai amanah dan bukan sebagai pemilik yang mendapat faedah. Pada saya, kesilapan ini timbul dari perhatian yang diberi hanya kepada dokumen Exhibit B sebagai sebab kepada tindakan itu dan tidak kepada keadaan-keadaan dalam tahun 1925 pada masa yang menuntut membeli tanah tersebut dan memakai nama yang kenatuntut dan dipersetujui apa yang akan berlaku jika ada perceraian.

Pada saya perkara itu adalah jelas – meskipun jika perhatian sebetulnya dapat diberi kepada aspek kes ini ia akan menjadi lebih jelas dalam keterangan – iaitu yang kenatuntut memiliki tanah ini selaku amanah. Ianya boleh jadi diertikan 'Harta pencarian' di mana ia masih dimilki sebagai amanah dan bukannya sebagai manfaat. Jika demikian, seksyen 9, Enakmen Had Masa adalah terpakai dan tidak terdapat di sana halangan dari had masa kepada tuntutan ini.

Sekarang saya sampai kepada hujjah terakhir bagi rayuan iaitu Majistret tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes disebabkan tanah secara jelas dinilaikan harga lebih $500.00.

Bidangkuasa sivil bagi Majistret kelas pertama ada diterangkan dalam seksyen 57(i)(b) Enakmen Mahkamah (Cap. 2). Bidangkuasanya ialah "untuk mendengar dan memutuskan semua dakwaan dalam lengkongan bidangkuasa tempatannya apabila kadar nilai yang dipertikaikan tidak melebihi $500.00".

Nilai tanah ini pada masa sekarang dianggarkan $875.00, harga yang ditaksirkan oleh Pemungut Hasil Tanah dan dipersetujui oleh Majistret dan yang menuntut sendiri menilaikannya antara $700-$800. Pada masa perceraian itu berlaku dalam tahun 1931, nilai tanah itu tidak melebihi $500.00.

Hujjah dibuat dalam masa perbicaraan supaya "kadar harga yang dipertikaikan itu" bagi tujuan menetapkan bidangkuasa, hendaklah berpandu kepada nilai harga pada masa berlakunya perceraian apabila yang menuntut berhak memiliki tanah tersebut untuk dipindahkan kepadanya dan bukannya nilai harga pada masa tuntutan ini dibawa ke Mahkamah. Bagi pihak yang kenatuntut dihujjahkan bahawa nilai harga sebanyak $500.00 adalah keterlaluan bagi membolehkan tuntutan ini dibawa ke Mahkamah Majistret.

Pada pendapat saya, kadar nilai harga bagi tujuan seksyen 57(i)(b), Enakmen Mahkamah dalam kes ini di mana sekeping tanah dipertikaikan mestilah nilai harga dikira pada masa tuntutan dijalankan. Jadi, dalam kes ini harga yang dipertikaikan ialah $875.00.

Dalam rayuan ini, peguam bagi pihak yang menentang rayuan menerima bahawa ianya demikian memandangkan kepada dakwaan tanah sehaja akan tetapi memutuskan bahawa ia tidak terpakai kepada tuntutan $500.00 "atas asas nilai harga". Saya tidak bersetuju dengan ini.

Ia kemudiannya menghujjahkan kes ini dilayani sebagai satu kes di mana yang menuntut telah menarik diri daripada sebahagian daripada tuntutannya.

Akan tetapi seksyen 42 Kanun Acara Sivil memerlukan dakwaan itu mengandungi perkara-perkara berikut – "(f) jika sekiranya yang menuntut telah menarik sebahagian dari tuntutannya bahagian yang ditarik balik itu".

Pada fikiran saya ianya tidak boleh dilayani sedemikian.

Walau apa pun saya tidak syak lagi kes ini adalah satu kes di mana penilaian sengaja direndahkan bagi membolehkan kes ini dibawa ke hadapan Mahkamah Rendah. Pada saya ianya jelas nilai harganya ditentukan sebanyak $500.00, kerana kadar itu adalah had bidangkuasa dan bukannya kerana ianya nilai harga tanah sebenar. Oleh kerana itu Majistret tidak mempunyai bidangkuasa mendengar perbicaraan.

Bangkangan ini diambil oleh peguam pihak yang kenatuntut – yang merayu pada awal-awal perbicaraan. Apabila ini berlaku, acara yang betul bagi Majistret ialah membicarakan persoalan "nilainya yang dipertikaikan" sebagai isu permulaan.

Saya merasa bersimpati kes seperti ini dibicarakan dalam Mahkamah Majistret tempatan akan tetapi merasakan bahawa penilaian harga yang rendah seperti ini boleh jadi sering berlaku.

Akhirnya, atas sebab-sebab yang disebutkan itu saya membuat keputusan bahawa tidak terdapat bidangkuasa untuk mendengar kes ini. Rayuan mestilah dibenarkan dan keputusan dan dikri diketepikan.

Saya tidak perlu menyebut bahawa oleh kerana terdapat tidak ada bidangkuasa, perkara itu tanpa syak lagi ia bukan *Res Judicata* (Perkara yang telah diputuskan dan tidak boleh dibicara semula).

Rayuan dibenarkan dengan bayaran kos. Di bawah Seksyen 49(i)(f) Kanun Acara Sivil saya mengarahkan tuntutan dikembalikan kepada yang menuntut.

Rayuan dibenarkan.

HAJAH SULONG BINTI ABU BAKAR lwn. MAMAT BIN MAT AMIN*

[Mahkamah Tinggi (Whitton H.) Mac 18, 1952]
[Kuala Trenggau – Rayuan Sivil No. 7/1952]

Adat Melayu – Harta Sepencarian – Anggapan orang-orang Melayu kampung di Trengganu bahawa tanah yang diperolehi dalam masa perkahwinan adalah harta sepencarian.

Ini adalah rayuan dari keputusan Pemungut Hasil Tanah dalam penggunaan bidangkuasanya dalam masalah pembahagian harta kecil. Pemungut Hasil Tanah telah memutuskan bahawa oleh kerana sebidang tanah itu telah didaftarkan dengan nama almarhum si mati tanah tersebut tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian. Tanah itu telah diperolehi dalam tempoh perkahwinan si mati dengan isterinya.

Diputuskan: (1) Bahawa dalam keadaan tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa mana-mana tanah yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan adalah diperolehi melalui pesaka, boleh dianggap bahawa tanah yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan pasangan yang masih hidup dikira menjadi sepencarian;

(2) tidak terdapat apa-apa di dalam keterangan dalam kes ini untuk menolak anggapan bahawa tanah yang dipertikaikan dalam kes ini adalah harta sepencarian.

Rayuan Sivil

Ishak bin Mohamed Ariff bagi pihak yang merayu.

Maidin bin Mohamed Ibrahim bagi pihak yang menentang rayuan.

Whitton H.: Ini adalah satu rayuan ke atas satu arahan yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah yang dibuat pada 10hb. Oktober, 1951 dalam penggunaan kuasanya dalam pembahagian harta-benda kecil di bawah seksyen 46, Enakmen Tanah (Cap. 56). Hanya satu alasan yang sebenar bagi rayuan ini iaitu arahan itu bertentangan dengan Circular No. 3, 1941, Penasihat Undang-Undang Trengganu.

Satu salinan surat pekeliling itu telah dikemukakan dalam masa mendengar rayuan. Ia mengandungi nasihat dari Penasihat Undang-Undang Trengganu kepada Pemungut Hasil Tanah dan magistret bahawa, berpandu kepada dua keputusan Mahkamah Agong, mereka dalam pembahagian harta peninggalan seseorang yang mati hendaklah menganggap semua harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan simati dengan bekas balu atau duda sebagai harta sepencarian dan separuh bahagiannya hendaklah diberi kepada balu atau duda yang masih hidup sebelum bakinya dibahagi mengikut Hukum Syara'.

Nampaknya tidak ada rekod keputusan-keputusan Mahkamah Agong yang terdapat selepas Penjajahan Jepun. Dalam masa mendengar rayuan ini ada dikemukakan bahawa mahkamah ini tidak terikat dengan satu surat pekeliling seperti ini dan ini adalah memang benar. Akan tetapi adalah menasbah dipertimbangkan sama ada pendekatan kepada perkara itu mengikut nasihat-nasihat surat pekeliling itu dan yang telah biasa dilaksanakan mengikut surat pekeliling itu suatu perkara yang betul di sisi undang-undang. Saya lebih percaya bahawa asas pandangan bagi tujuan surat pekeliling tersebut hanyalah mengikut kaedah undang-undang keterangan yang terdapat dalam seksyen 114, Ordinan Keterangan sekarang. Ia berbunyi:-

"Mahkamah boleh menganggap terdapat mana-mana fakta yang ia fikir boleh berlaku dengan mengambil kira perjalanan biasa kepada kejadian-kejadian tabii, cara perjalanan manusia dan amalan di dalam urusan kerajaan dan swasta, berhubung dengan fakta-fakta bagi kes tertentu".

Pelaksanaan Seksyen ini kepada kes yang dibicarakan, ternyata soal yang harus diputuskan sama ada dengan mengambil kira perjalanan biasa kejadian-kejadian tabii dan sebagainya di Trengganu di kalangan orang-orang Melayu kampung, mahkamah boleh menganggap bahawa mana-

---

* Dialihbahasa dari 4 M.C. 291 oleh Abdullah bin Abu Bakar B.A. (Al-Azhar), LL.M. Sheffield, Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.